



# LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH

BANGUNAN IBU PEJABAT LPPS, JALAN TUN FUAD, TANJUNG LIPAT, BEG BERKUNCI NO: 2005.  
88617 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.  
TEL: 088-538400 FAX: 088-223036



Fail / File : LPPS 100-4/4  
Tarikh / Date : 08/07/2015

Kepada : SEMUA PENGGUNA PELABUHAN

To : ALL PORT USERS

## **PEKELILING PELABUHAN BIL. 01/2015 PORT CIRCULAR NO. 01/2015**

**OPERASI DAN CAJ PELABUHAN KE ATAS TEMPAT PENDARATAN YANG DIBENARKAN  
SELAIN DARIPADA PELABUHAN  
(JETI PERSENDIRIAN DAN OPERASI DI PERAIRAN)**

**PORT OPERATIONS AND PORT CHARGES AT APPROVED SUFFERANCE WHARVES  
OTHER THAN PORT  
(PRIVATE JETTIES AND MID-STREAM OPERATION)**

### **1. LATAR BELAKANG**

Selaras dengan Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1967, dimansuhkan dan digubal semula oleh Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981 dibaca bersama dengan Warta Kerajaan Negeri Sabah G.N. No. 16 Tahun 1977, semua *Sufferance Wharves* yang didefinisikan di bawah Seksyen 2 Akta Kastam 1967 di seluruh Sabah adalah dengan itu diisytiharkan oleh Menteri Komunikasi dan Kerja raya di bawah Warta tersebut sebagai menjadi pelabuhan untuk kegunaan Enakmen LPPS, Seksyen 3 yang berkuat kuasa daripada 1hb Januari 1977. Ini termasuklah kesemua tempat pendaratan lain (jeti persendirian dan operasi di perairan) yang dibenarkan oleh Jabatan Kastam selain daripada pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah.

### **1. BACKGROUND**

In accordance to the Sabah Ports Authority Enactment 1967, repeal and re-enact by Sabah Ports Authority Enactment 1981 read together with the Sabah State Gazette G.N. No. 16 of 1977, all *Sufferance Wharves* defined under Section 2 of the Customs Act 1967 throughout Sabah are hereby declared by the Minister of Communications and Works under the said Gazette to be ports for the purposes of the SPA Enactment, Section 3 with effect from 1<sup>st</sup> January, 1977. This includes all other landing place (private jetties and mid-stream operation) approved by Customs Department other than proper ports belongs to the Sabah Ports Authority.

2. **KEPERLUAN LESEN "SUFFERANCE WHARVES"**  
Semua pengendali tempat pendaratan selain daripada Pelabuhan dalam Negeri Sabah seperti yang diisytiharkan oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia adalah perlu mendapatkan kelulusan lesen serta surat kebenaran terlebih dahulu daripada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah untuk mengendalikan Jeti Persendirian atau Operasi di Perairan Negeri Sabah.

3. **TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LESEN "SUFFERANCE WHARVES"**  
Semua pemegang Lesen Jeti Persendirian dan Lesen Operasi di Perairan yang diluluskan oleh Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah hendaklah mematuhi kesemua syarat-syarat lesen seperti yang termaktub dalam Surat Kelulusan Lesen yang dikeluarkan setiap tahun tanpa gagal.

4. **KEGAGALAN MEMATUHI TERMA DAN SYARAT LESEN "SUFFERANCE WHARVES"**  
Kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen akan mengakibatkan lesen tersebut ditarik balik dan dibatalkan seterusnya jeti persendirian atau operasi di perairan yang berkenaan akan ditutup sepenuhnya dengan kerjasama pihak Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

5. **PEMATUHAN UNDANG-UNDANG**  
Semua pemegang Lesen Jeti Persendirian dan Lesen Operasi di Perairan hendaklah memastikan bahawa kesemua aktiviti serta kargo yang dibawa masuk dan keluar daripada tempat pendaratan yang dilesenkan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa di bawah Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981, Peraturan-Peraturan (Skala Dius dan Caj) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1977, Warta Kerajaan Negeri Sabah (G.N. No. 16/1977) dan undang-undang lain yang berkuat kuasa ke atasnya dari semasa ke semasa.  
(Sila rujuk LAMPIRAN yang disertakan).

2. **SUFFERANCE WHARVES LICENCE REQUIREMENT**

*All owners of approved landing place other than Port in the state of Sabah as declared by the Royal Customs Department Malaysia must first obtain a licence and approval letter from Sabah Ports Authority to operate a Private Jetty or Mid-Stream operation in Sabah Waters.*

3. **SUFFERANCE WHARVES LICENCE HOLDER DUTY**

*All holders of Private Jetty Licence and Mid-stream Licence as approved by Sabah Ports Authority must comply with all terms and conditions as stated in the Licence Approval Letter issued every year without fails.*

4. **FAILURE TO COMPLY WITH TERMS AND CONDITIONS OF SUFFERANCE WHARVES LICENCE**

*Failure to comply with terms and conditions of the licence may cause the licence to be withdrawn and revoke and thereafter the applicable private jetty or mid-stream operation will be fully closed with the cooperation from Royal Customs Department Malaysia.*

5. **COMPLIANCE OF LAWS**

*All holders of Private Jetty Licence and Mid-stream Operation Licence shall ensure that all activity and cargo in and out from the licenced sufferance wharves must comply with the applicable laws under the Sabah Ports Authority Enactment 1981, Sabah Ports Authority (Scale of Dues and Charges) Regulations 1977, Sabah State Government Gazette (G.N. No. 16/1977) and other applicable laws imposed on it from time to time.  
(Refer to **APPENDIX** annexed herewith).*

## 6. CAJ PELABUHAN

Berdasarkan undang-undang di atas, semua kapal yang beroperasi (memuat naik dan/atau memuat turun kargo) di Sufferance Wharves dalam Negeri Sabah adalah diperlukan untuk membayar dius dan caj pelabuhan yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah.

Pembayaran Caj Am Pelabuhan seperti di bawah hendaklah dibuat kepada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah melalui Sabah Ports Sdn Bhd menurut prosedur yang berkuat kuasa. Tarif semasa adalah seperti berikut :

Peraturan-Peraturan (Skala Dius dan Caj) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1977

### Tarif Bil. 6 – Akaun Kapal :

- RM0.70 per tan atau sebahagiannya.
- Untuk dibayar oleh pemilik kapal/agen.

### Tarif Bil. 32 – Akaun Pengirim dan Penerima :

- RM0.60 per tan atau sebahagiannya.
- Untuk dibayar oleh pengeksport atau pengimport.

## 7. ISYTIHAR KAPAL DAN KARGO

Mana-mana pemilik kapal atau pemilik barang-barang sama ada yang di bawa masuk atau keluar daripada tempat pendaratan yang dilesenkan mesti mengisytiharkan aktiviti dan kargo masing-masing dengan teratur serta bertanggungjawab untuk memastikan bayaran dius dan caj pelabuhan dibayar sepenuhnya.

Semua kapal yang menjalankan operasi (memuat naik dan/atau memuat turun kargo) di mana-mana pelabuhan yang ditetapkan atau Sufferance Wharves dalam Negeri Sabah hendaklah mengisytiharkan dan menyerahkan dokumen-dokumen yang berkaitan, seperti Borang A (Notis Ketibaan Kapal) dan Perisytiharan Masuk/Keluar kepada Sabah Ports Sdn Bhd (SPSB) menurut prosedur yang ditetapkan bagi membolehkan SPSB membuat pengiraan tentang dius dan caj pelabuhan yang perlu dibayar.

## 6. PORTS CHARGES

In accordance to the above laws, all vessels operating (loading and/or discharging cargo) at any Sufferance Wharves shall be required to pay any dues and charges imposed by the Sabah Ports Authority.

The payment of **General Port Charge** as stated below shall be paid to the Sabah Ports Authority through **Sabah Ports Sdn Bhd** in accordance to the applicable procedure. Current tariff are as follows:

Sabah Ports Authority (Scale of Dues and Charges) Regulations 1977

### Tariff Item No. 6 – Account Vessel :

- RM0.70 per tonne or part thereof.
- To be paid by the Ship owner/agent.

### Tariff Item No. 32 – Account Shipper and Consignee :

- RM0.60 per tonne or part thereof.
- To be paid by the exporter or importer.

## 7. DECLARATION OF VESSEL AND CARGO

Any owner of the ship/vessel or owner of the goods/cargo either in or out from the licenced sufferance wharves must declare their activity and cargo in proper manner and shall be responsible to ensure the payment of port dues and charges made in full.

All vessels operating (loading and/or discharging cargo) at any designated ports or Sufferance Wharves in Sabah shall submit the relevant documents, in particular Form A (Notice of Ship's Arrival) and Inward/Outward Manifest to the **Sabah Ports Sdn Bhd (SPSB)** in accordance to the procedure imposed in order for SPSB to determine the amount of port dues and charges to be paid.

**8. SABAH PORTS SDN BHD SELAKU OPERATOR PELABUHAN BERLESEN**

Sila maklum bahawa di bawah Perjanjian Penswastaaan tahun 2004 dan berlandaskan Enakmen Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Penswastaaan) 1998, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah telah menyerahkan tugas aku janji pelabuhan menurut undang-undang kepada **Sabah Ports Sdn Bhd** selaku Operator Pelabuhan Berlesen, yang mana termasuk kuasa untuk meminta dan mengumpul sebarang dius dan caj pelabuhan yang dikuatkuasakan di bawah Peraturan-peraturan (Skala Dius dan Caj) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1977.

**9. HUKUMAN BAGI KEGAGALAN MEMBAYAR DIUS DAN CAJ PELABUHAN**

Mana-mana orang sama ada pemunya kapal atau pemunya barang-barang yang gagal membayar dius dan caj pelabuhan yang dikenakan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang menurut **Seksyen 59(1)** Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981 seperti berikut :

- a) Denda RM1,000.00; dan
- b) Penjara selama enam (6) bulan; dan
- c) Penalti lanjut sebanyak dua kali ganda daripada jumlah dius dan caj pelabuhan yang dielakkan atau cuba dielakkan.

**10. HUKUMAN BAGI PERISYTIHARAN PALSU**

Mana-mana orang yang membuat dengan sengaja atau dengan cuai apa-apa pernyataan palsu atau perisytiharan palsu di dalam mana-mana dokumen berkaitan kapal atau kargo adalah juga bersalah atas suatu kesalahan menurut **Seksyen 60** Enakmen Lembaga-Lembaga Pelabuhan Sabah 1981 dan boleh dikenakan penalti di bawah **Seksyen 65** seperti berikut :

- a) Denda RM1,000.00; dan
- b) Penjara selama enam (6) bulan; dan
- c) Bagi kesalahan berterusan, denda tidak melebihi RM50.00 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian hari kesalahan itu diteruskan selepas tarikh sabitannya.

**8. SABAH PORTS SDN BHD AS THE LICENCED PORT OPERATOR**

Please be inform that under the Privatisation Agreement year 2004 and as accorded under the Sabah Port (Privatisation) Enactment 1998, the Sabah Ports Authority has legally transferred its port undertaking to **Sabah Ports Sdn Bhd** as the Licenced Ports Operator, in which to include the authority to demand and collect any port dues or charges imposed under the Sabah Ports Authority (Scale of Dues and Charges) Regulations 1977.

**9. PENALTY FOR FAILURE TO PAY PORT DUES AND CHARGES**

Any person either the owner of vessel or the owner of cargo who fails to pay the port dues and charges imposed shall be guilty of an offence and shall be penalize under **Section 59(1)** of the Sabah Ports Authority Enactment 1981 as follows :

- a) Fine of RM1,000.00; and
- b) Imprisonment for six (6) months; and
- c) Further penalty double the amount of the port dues or charges evaded or attempted to evade.

**9. PENALTY FOR FALSE DECLARATION**

Any person who makes false statement or false declaration in any ships manifest or cargo manifest either knowingly or recklessly shall be guilty of an offence under **Section 60** of the Sabah Ports Authority Enactment 1981 and shall be penalize under Section 65 as follows :

- a) Fine of RM1,000.00; and
- b) Imprisonment for six (6) months; and
- c) In case of a continuing offence, to a fine not exceeding RM50.00 for every day or part of a day during which the offence is continued after the date of a conviction.

**11. AGEN PERKAPALAN BERDAFTAR DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah mengiktiraf mana-mana agen perkapalan yang berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) untuk mengendalikan kapal dan kargo di semua pelabuhan-pelabuhan di Sabah termasuk operasi di jeti persendirian dan di perairan. Mana-mana agen perkapalan dalam Negeri Sabah yang berdaftar dengan JKDM adalah bebas untuk bertindak sebagai agen kepada pemilik kargo atau kapal di mana-mana kawasan pendaratan yang sah dan diiktiraf oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

**12. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG KE ATAS "SUFFERANCE WHARVES"**

Pelaksanaan undang-undang dan peraturan-peraturan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah mengenai caj pelabuhan ke atas tempat pendaratan yang dibenarkan (termasuk jeti-jeti persendirian dan operasi di perairan) adalah selaras dengan Warta Kerajaan Negeri Sabah (G.N. No. 16/1977) yang terpakai di seluruh perairan Negeri Sabah (dilampirkan).

**13. KESIMPULAN**

Oleh itu, adalah diharapkan agar semua pengguna pelabuhan termasuk pemilik jeti persendirian dan operasi di perairan yang dilesenkan serta ejen-ejen perkapalan dalam Negeri Sabah ini dapat memahami dan mematuhi kesemua peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa tanpa gagal.

**10. SHIPPING AGENT REGISTERED WITH MALAYSIAN ROYAL CUSTOMS DEPARTMENT**

Sabah Ports Authority recognize any shipping agent registered with the Malaysia Royal Customs Department (JKDM) to handle vessel and cargo at all Sabah Ports including operation at private jetty and mid-stream. Any shipping agent in the state of Sabah registered with JKDM are free to act as agent to owner of cargo or vessel at any approved landing place as declared by the Malaysian Royal Customs Department.

**11. APPLICATION OF LAWS ON SUFFERANCE WHARVES**

Application of Sabah Ports Authority's laws and regulations regarding ports charges on approved landing place (including private jetties and mid-stream operation) are consistent with Sabah State Government Gazette (G.N. No. 16/1977) in which applies to whole Sabah waters (annexed).

**12. CONCLUSION**

With this, it is hereby be expected that all port users including owner of licenced private jetty and mid-stream operation and shipping agents in the state of Sabah to fully understand and comply with all applicable laws without fails.

Sekian, terima kasih / Thank you.



**[ MAISURI BIN BESRI ]**

Pengurus Besar / General Manager

LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH / SABAH PORTS AUTHORITY

- s.k. : (1) Setiausaha Tetap  
Kementerian Pembangunan Infrastruktur  
Negeri Sabah.
- (2) Pengarah Kastam  
Jabatan Kastam DiRaja Malaysia
- i. Bahagian Perkastaman, Cawangan Sabah.
  - ii. Bahagian Sufferance Wharves (Private Jetty)
- (3) Pengarah Laut,  
Jabatan Laut (Sabah)
- (4) Ketua Pegawai Operasi  
Sabah Ports Sdn Bhd
- i. Bahagian Perundangan, Ibu Pejabat SPSB, Teluk Sapangar.
  - ii. Semua Pengurus Pelabuhan
  - iii. Semua Pengguna Pelabuhan yang membayar dius dan caj "Sufferance Wharves".